KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

# KAD LAPORAN 2019

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

# SEKTOR AIR DAN PEMBETUNGAN

# RANCANGAN TEBATAN BANJIR

Peruntukan sebanyak
**RM 387 juta**
bagi sejumlah
**69 buah projek**
rancangan tebatan banjir di seluruh Malaysia dikeluarkan.

Melindungi seramai
**85 ribu penduduk**
daripada terjejas akibat banjir di seluruh negara.



# PENGEBILAN BERSEPADU

**TERENGGANU**
**menjadi negeri pertama melaksanakan pengebilan bersepadu.**

**Perkhidmatan**
**air dan pembetungan**
**dalam satu bil yang melibatkan**
**20,000**
**akaun pengguna.**



# SISTEM PENETAPAN TARIF

Mekanisma
**penetapan**
tarif air baharu.

Ini bertujuan bagi menentukan kadar air dan struktur tarif air yang
**telus dan adil.**



# AIR BERSIH DI KUALA KOH

Membekalkan bekalan
**air bersih dan terawat**
kepada penduduk
Orang Asli Kuala Koh,
Gua Musang, Kelantan.

Penduduk di sini pada asalnya
hanya mampu bergantung
pada air sungai dan tandak,
dimana kualiti dan sumbernya
**tidak menentu.**



# MOU KERAJAAN KOREA SELATAN

Menandatangani memorandum Persefahaman Bersama Republik Korea bagi **meneroka kerjasama** dalam sektor air dan pembetungan.

Kerjasama yang diteroka termasuk dalam bidang **sumber air yang mampan** dan amaran awal bencana air.



KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

# SEKTOR TANAH DAN SUMBER ASLI

# PENGUKUHAN BENTENG SEMULAJADI

Seluas

**2,926.34 hektar**

kawasan persisiran pantai seluruh negara telah ditanam dengan lebih

**6.8 juta**

pokok bakau dan spesis pokok pesisir pantai.

**Benteng semula jadi**

dimantapkan bagi menghalang ancaman ombak besar dari laut dan angin kencang.



# PENANDAAN SEMPADAN NEGERI

Memuktamadkan
**sempadan darat**
bagi negeri
Kelantan-Terengganu dan
Melaka-Negeri Sembilan.

Sempadan maritim antara
negeri di semenanjung
**yang pertama
dimuktamadkan**
iaitu di antara negeri Melaka
dan Negeri Sembilan.






# MOU SEMPADAN INDONESIA

Memuktamadkan
**sempadan antarabangsa**
melalui MOU dengan Kerajaan Republik Indonesia.

Ini melibatkan sempadan di Sabah dan Sarawak serta Kalimantan Utara dan Kalimantan Barat.



# MENGEKALKAN LITUPAN HUTAN

Komitmen Malaysia pada Sidang Kemuncak Bumi Rio 1992 untuk **mengekalkan lebih**

**50%**

litupan hutan negara.

Litupan hutan terkini melebihi sasaran, iaitu meliputi

**55.3%**

dari seluruh keluasan Malaysia.



# PERANG PEMBURU HARAM

Kerjasama di antara Jabatan Perhilitan dan Polis Diraja Malaysia menerusi
**Operasi Bersepadu Khazanah.**

Setakat 2019,
**62 orang**
berjaya diberkas menerusi 20 operasi tangkapan.







# SOP PERLOMBONGAN BAUKSIT

**Mewujudkan**
**Prosedur Operasi Standard**
**(SOP) bagi perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang.**

**SOP memperkukuhkan**
**aspek penguatkuasaan**
**bagi mengelakkan kemusnahan terhadap alam sekitar.**



# PAMERAN HUTAN KITA

Mempamerkan keunikan sumber biodiversiti negara bagi **meningkatkan kesedaran awam** mengenai kepentingan flora dan fauna.

Tanda simbolik terhadap **kemampuan kerajaan** dalam menjaga, memelihara hutan secara berkekalan.



# SELAMATKAN HARIMAU MALAYA

Kempen
**Selamatkan Harimau Malaya**
dilancarkan dengan tujuan untuk
**mengelakkan kepupusan**
haiwan kebanggaan negara.

Meliputi
**pelbagai aspek**
termasuk penguatkuasaan dan peningkatan kesedaran awam.



# KESELAMATAN CERUN

Melaksanakan
***Disaster Risk Reduction***
iaitu kajian keselamatan cerun di kawasan Cameron Highlands.

Mengelakkan
**risiko tanah runtuh**
demi keselamatan penduduk setempat.



# POKOK KEBANGSAAN NEGARA

Mengisytiharkan
**Pokok Merbau**
sebagai
**Pokok Kebangsaan Negara.**

Pokok Merbau ini punya daya tahan yang tinggi dan pohon yang kukuh menjadi **simbolik kepada keutuhan** Negara Malaysia.



# AGENDA KATS 2020

*Berpaksikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), KATS akan terus menyusun atur dasar, strategi dan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan. Inisiatif untuk tahun 2020 akan dilaksanakan secara terangkum dan memberi impak yang boleh dirasai oleh semua lapisan masyarakat.*